

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Hong Leong Jaminan Perkapalan-i (SG-i)

Oktober 2022

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ("HPP") ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon kemudahan Jaminan Perkapalan-i (SG-i) bersama Hong Leong Islamic Bank. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umumnya

Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Helaiian Pendedahan Produk ini adalah tentatif (sementara) atau indikatif (petunjuk) dan boleh berubah atas budi bicara pihak Bank. Terma dan syarat muktamad hendaklah dibaca bersama-sama dan digantikan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan pembiayaan.

Sila dapatkan penjelasan daripada Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB") jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma umum

1. Apakah yang perlu saya ketahui tentang produk ini?

- SG-i adalah pembiayaan perdagangan Islamik yang patuh dengan prinsip Syariah. SG-i merupakan indemniti yang dikeluarkan oleh Bank yang dialamatkan kepada syarikat pelayaran atas arahan pengimport untuk pengeluaran barang tanpa pengeluaran / penyampaian Bil Muatan yang asal (BL).
- Jaminan ini adalah untuk menampung pengimport / pembeli yang mungkin memerlukan untuk melepaskan barangan dengan kadar segera, sebelum menerima resit muatan asal dari bank perundingan. Bank berjanji untuk menanggung rugi syarikat pelayaran atau ejennya terhadap segala akibat dan / atau liabiliti yang berkaitan dengan penyerahan barang di bawah jaminan ini.
- SG-i mempunyai tempoh sah tanpa had, iaitu ia tidak mempunyai tarikh luput dan amaun. Ianya sah sehingga Bil Muatan yang asal dikemukakan kepada syarikat perkapalan atau ejennya untuk tujuan penebusan.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- SG-i adalah berdasarkan prinsip Syariah, *Kafalah bil Ujrah* (jaminan dengan fi perkhidmatan). Kafalah merujuk kepada kontrak di mana penjamin bergabung dengan pihak yang dijamin dengan menanggung tanggungjawab yang ditentukan oleh pihak yang terakhir. Kafalah bil Ujrah membenarkan penjamin untuk mengenakan fi atau komisen untuk menyediakan perkhidmatan kafalah.
- Di bawah prinsip ini, pihak Bank memberi jaminan untuk membayar jumlah yang dipersetujui kepada syarikat perkapalan atau ejennya sekiranya pelanggan gagal atau mungkir dalam memenuhi kewajibannya seperti yang dinyatakan dalam jaminan.

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Keupayaan untuk mendapatkan barangan dengan lebih pantas terutamanya dalam kes-kes kelewatan yang tidak terduga ketika ketibaan dokumen Bil Muatan/Bil Jalan Udara/Resit Pos Bungkusan.
- Caj pelabuhan dan caj denda lewat (iaitu, penyimpanan), dan lain lain juga dapat dikurangkan.
- Caj komisen yang terdiri daripada 0.1% bagi setiap nilai invoice atau kadar yang dikhususkan dalam Surat Tawaran tertakluk kepada kadar minimum yang dinyatakan dalam Surat Tawaran pada setiap SG-i.

4. Apakah tanggungjawab saya?

- Memenuhi tanggungjawab mengikut syarat yang dinyatakan dalam jaminan.
- Memulangkan jaminan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pengeluaran.
- Anda perlu membayar komisen pendahuluan untuk setiap pengeluaran kemudahan SG-i.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Disemak 1989).
Yuran Guaman berkaitan	Yuran peguamcara adalah seperti Perintah Imbuan Peguamcara 2005 termasuk yuran bagi caj

dengan Dokumentasi Pembiayaan	pendaftaran, carian tanah, carian muflis, cukai kerajaan yang berkaitan dan cukai lain atau levi seperti skala caj yuran dicaj oleh pihak berkuasa berkenaan.
Lain-lain	Sila rujuk Yuran & Caj Perkhidmatan Perdagangan di laman sesawang kami di URL: https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/help-support/fees-and-charges/trade-service-i.html

Nota: Semua yuran, komisen, caj dan wang lain yang kena dibayar adalah tertakluk pada dan eksklusif dari sebarang Cukai Kerajaan, yang mana berkenaan.

6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Caj Bagi Jaminan Tidak Dikembalikan	0.5% setahun (pada kadar bulanan) dari bulan ketiga hingga tarikh pemulangan SG-i
Caj Pampasan bagi Pembayaran Lewat (Ta'widh)	<p>a) Bagi kegagalan bayaran yang mengakibatkan kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah = 1% setahun keatas jumlah tertunggak (prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru);</p> <p>b) Bagi kegagalan bayaran selepas tempoh matang = Kadar Pasaran Wang Antara Bank-Bank Perbankan Islam BNM ("IIMM") ke atas jumlah tertunggak (prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru);</p> <p>c) Bagi kegagalan bayaran selepas penghakiman = Kadar IIMM keatas jumlah dasar penghakiman.</p> <p>Nota: (i) Caj pampasan tidak akan dikompau dan tidak boleh melebihi jumlah prinsipal tertunggak (ii) Kaedah dan kadar caj pampasan adalah tertakluk kepada perubahan seperti mana yang ditentukan oleh BNM (iii) Caj pampasan dikira atas dasar harian dari tarikh perlu bayar/tempoh matang/tarikh penghakiman</p>
Hak Penolakan	Bank berhak untuk menolak selesai baki kredit yang terdapat di dalam akaun deposit anda di Bank bagi menjelaskan baki tertunggak dalam akaun pembiayaan ini selepas notis pemberitahuan bertulis selama tujuh (7) hari diberikan kepada anda.
Hak untuk Memulakan Proses Pengambilan Semula dan Tindakan Undang-Undang	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan undang-undang akan dikenakan jika anda gagal untuk memberi respons kepada notis peringatan. Aset anda mungkin dirampas dan segala kos akan ditanggung pelanggan. Sekiranya hasil penjualan aset tidak mencukupi untuk menyelesaikan jumlah yang tertunggak dan terhutang, pelanggan bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan tersebut. Pihak bank berhak untuk memulakan aktiviti pengutipan (termasuk menggunakan agensi pengutipan hutang), perampasan dan prosiding muflis. <p>Nota: Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda akan menjejaskan tahap penarafan kredit yang mengakibatkan kelulusan permohonan mana-mana kemudahan kredit lebih sukar atau kadar pembiayaan lebih mahal.</p>

7. Apakah yang akan berlaku jika saya menjelaskan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

Penyelesaian awal tidak berkaitan.

8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?

Berikut merupakan cadangan atau keperluan perlindungan takaful:

- Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurangan (MRTT) atau sijil/polisi takaful perlindungan yang seumpamanya untuk melindungi syarikat sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal atas pelanggan atau orang utama dalam syarikat (jika berkenaan)
- Takaful kebakaran jika aset adalah cagar dalam pembiayaan (jika berkenaan)

9. Apakah risiko utama?

- Sekiranya SG-i dituntut oleh benefisiari, anda dikehendaki untuk membayar jumlah jaminan yang telah dibayar oleh Bank dengan secepatnya.
- Sekiranya anda gagal untuk memenuhi kewajipan pembayaran pada masanya, anda akan dikenakan levi dengan caj pampasan atau apa-apa kadar lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan maklumat dalam butiran peribadi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, sila hubungi kami di +603-76268899 atau kunjungi mana- mana cawangan/ pusat perniagaan kami di seluruh negara.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau menghadapi masalah untuk membuat pembayaran, anda boleh menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan kaedah alternatif bagi pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Islamic Bank Berhad, Commercial & SME Banking
 Alamat : Tingkat 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,
 50490 Kuala Lumpur
 Telefon : +603-7661 7777
 E-mel : sme@hlbb.hongleong.com.my
 Laman Sesawang : www.hlisb.com.my

- Untuk pilihan lain, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan daripada pihak-pihak dibawah:

- a) **Khidmat Nasihat Pembiayaan (KNP)**, yang dirasmikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama antara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui MyKNP@CGC yang menyediakan khidmat nasihat dan cadangan kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS atau SME) yang gagal memperoleh kelulusan pembiayaan perniagaan dari institusi kewangan. Anda boleh menghubungi KNP di:

MyKNP@CGC Unit Khidmat Nasihat Kewangan CGC

Alamat : Pegawai Penasihat KNP dimana-mana cawangan diseluruh negara.

Untuk lokasi cawangan, sila rujuk kepada laman web CGC di <https://www.cgc.com.my/cgc-branches/?lang=my>.

No Telefon : 03- 7880 0088

E-Mel : myknp@cgc.com.my

Laman : <https://imsme.com.my/portal/myknp-cgc-bm>

Sesawang

- b) **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai platform setempat yang menyediakan perkhidmatan penstrukturan pembiayaan, pendidikan kewangan dan nasihat kredit kepada individu dan juga PKS atau SME. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Alamat : Tingkat 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur, WilayahPersekutuan.

Telefon No : 1-800-88-2575

E-mel : enquiry@akpk.org.my

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh hubungi kami di:

Customer Advocacy

Alamat : Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Telefon : 03-76268801/03-76268802/03-76268812

E-mel : customerservice@hlbb.hongleong.com.my

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.

Telefon : 1-300-88-5465

Fax : 03-2174 1515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Laman Sesawang : www.ofs.com.my

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Jaminan Perkapalan -i, sila kunjungi mana-mana pusat perniagaan kami di seluruh negara atau anda boleh melayari laman sesawang kami di www.hlisb.com.my.

13. Lain-lain pakej pembiayaan

- Pembiayaan Bertempoh Komoditi Murabahah-i Hong Leong Islamic Bank
- Pembiayaan Bertempoh Fleksi Komoditi Murabahah-i Hong Leong Islamic Bank
- Kredit Pusingan Komoditi Murabahah –i Hong Leong Islamic Bank
- Pembiayaan Pembiayaan Aliran Tunai-i CM Hong Leong Islamic Bank
- Lain-lain Pembiayaan Perdagangan Islamik

NOTIS PENTING

BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DAN PERAMPASAN ASET YANG DIBIYAI OLEH / DICAGARKAN KEPADA PIHAK BANK, JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT BAYARAN ANDA TEPAT PADA WAKTUNYA

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan inisah pada ____ / ____ / ____.